

# Firma Korea minat labur di Malaysia

» Syarikat petrokimia beri bayangan perluas operasi



**Mutazar  
Abd Ghani**

bhnews@bharian.  
com.my  
Seoul, Korea

B/H 18/7/12 MS 7.  
operasi mereka.

Ini termasuk syarikat petrokimia keempat terbesar di Asia, Honam Petrochemical Corp, yang kini terbabit dalam industri petrokimia di Johor; Kumpulan Lotte yang bergiat dalam bidang peruncitan dan perhotelan serta Kumpulan Hanwha dalam sektor perbankan dan industri.

Ia dinyatakan ketua eksekutif syarikat terbabit dalam pertemuan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, semalam.

## Pelaburan tambahan

Mustapa berkata, Honam yang sehingga kini sudah melabur RM1.5 bilion bagi operasinya di Johor, membayangkan untuk mengembangkan lagi dengan

membuat pelaburan tambahan pada masa depan.

Katanya, ia sebagai persediaan bagi memenuhi peningkatan permintaan terhadap produk berasaskan petrokimia seperti bahan olefin dan polyolefin yang digunakan untuk membuat bahagian plastik dalam industri perkakasan serta automotif.

“Penyertaan Honam dalam industri petrokimia Malaysia menerusi pembelian kepentingan dalam Titan Chemicals Corp Bhd daripada Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan syarikat Taiwan, The Chao Group,” katanya kepada media Malaysia, semalam.

Honam adalah syarikat petrokimia di bawah Kumpulan Lotte, konglomerat kelima terbesar Korea yang terbabit dalam pelbagai industri termasuk petrokimia, pembinaan, pelancongan, perkhidmatan, kewangan, peruncitan dan insurans.

Mustapa berkata, turut menyatakan minat melabur di Malaysia adalah Kumpulan Lotte yang merancang menceburi sektor perhotelan dan peruncitan coklat.

## Pengeluar coklat terbesar

Katanya, kumpulan itu kini terbabit dalam projek pembinaan bangunan tertinggi di Korea Selatan yang terletak di Seoul dengan ketinggian 555 meter



“  
Mereka turut menyatakan minat melabur dalam bidang solar, yang mana syarikat Korea mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan susulan kejayaan mereka dalam industri kitar semula.”

**Mustapa Mohamed,**  
Menteri Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri

membabitkan 123 tingkat.

“Kumpulan Lotte yang juga pengeluar coklat terbesar di Korea Selatan dan Jepun turut menimbang kemungkinan untuk menempatkan semula sebahagian operasi kilang coklat mereka di Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, sebuah lagi firma Korea Selatan yang berminat melabur di Malaysia adalah Hanwha Group.

“Syarikat itu sedang berbincang dengan Bank Negara Malaysia untuk melabur dalam sektor perbankan dan insurans di Malaysia.

“Mereka turut menyatakan minat melabur dalam bidang solar, yang mana syarikat Korea mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan susulan kejayaan mereka dalam industri kitar semula,” katanya.

Mengenai sambutan masyarakat pelabur Korea Selatan terhadap misi pelaburan dan perdagangan Malaysia itu, Mustapa berkata, beliau puas hati dengan sambutan menggalakkan termasuk seminar yang dianjurkan apabila ramai yang hadir serta bertanyakan peluang perniagaan dan pelaburan di negara ini.

Sementara itu, malam kelmarin Mustapa turut mengadakan sesi perjumpaan dengan pelajar Malaysia yang menuntut di beberapa universiti di negara ini.